



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG PERMOHONAN UNTUK MENGGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa **daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

- JAWATAN : **PEMBANTU TADBIR (GRAFIK & MULTIMEDIA)
GRED N19**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
- BAYARAN PERKHIDMATAN : RM 2067.00
- TARAF JAWATAN / BILANGAN : **KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)
1 KEKOSONGAN**
- SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya
 - i. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu peperiksaan SPM; **atau**
 - ii. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang terkumpul dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KELAYAKAN
TAMBAHAN**

- KEUTAMAAN KEPADA CALON YANG MEMILIKI :**
- Kelayakan/sijil/kemahiran menggunakan *Adobe Photoshop* dan *Adobe Illustrator*
 - Kelayakan/sijil/kemahiran dalam *Video Editing* dan *Copywriting*

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 10 OGOS 2022

CARA MEMOHON

(SILA BACA DENGAN TELITI SEBELUM MENGEMUKAKAN PERMOHONAN)

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di www.mpm.gov.my dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>. Pemohon hendaklah mengisi maklumat berkaitan **syarat kelayakan tambahan** seperti yang telah dinyatakan di atas sekiranya mempunyai kelayakan / kemahiran tersebut pada ruangan **sukan dan aktiviti sosial** di dalam aplikasi ini.

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian / temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian / temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian / temu duga:
 - (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
 - (ii) Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini
 - (iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong / tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.


.....
**SYAMSUL HAZEMAN BIN MD.SALLEH, AMP.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**

TARIKH : 29 JULAI 2022 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.6